

BAB VIII

IMPLIKASI PENGIBATAN PASUKAN PENGAMAN MALAYSIA

"...economic factors do play a role in determining both the power of states within the local complex and their domestic stability and cohesion as actors..."

Barry Buzan¹⁶⁷

Pengenalan.

Penglibatan pasukan pengaman Malaysia dalam pertubuhan PBB/NATO adalah merupakan kesinambungan dasar luar negara dalam hubungan antarabangsa. Malaysia sebagaimana sebuah negara yang berdaulat telah cuba membawa hubungan ini dengan lebih meluas bagi memartabatkan maruah bangsa dan negara di arena antarabangsa. Selain dari merapatkan hubungan dengan negara-negara yang dilanda masalah konflik dalaman dan dilanda peperangan, penglibatan Malaysia ini juga akan menjana ekonomi negara dalam masa jangka pendek dan jangka panjang, termasuk dalam bentuk pengaliran wang asing yang dibawa masuk oleh kontinjen yang terlibat, mahupun dalam bentuk pemasaran peralatan dan kelengkapan ketenteraan.

¹⁶⁷ . B. Buzan, People States and Fear : An Agenda for International Security in the Post Cold War, Lynne Publisher, Colorado, 1991, hlm. 201.

Kesan Kepada Negara Malaysia

Tugas-tugas pengaman, pada dasarnya, telah membawa pengaliran wang asing ke dalam negara, berbandingkan pengeluaran wang negara ke negara asing. Contohnya, seorang tentera yang terlibat dalam pasukan pengaman akan mendapat purata elaun penugasan sebanyak RM 30,000.00 sepanjang tempoh enam bulan penugasan. Setiap kontinjen purata anggota yang terlibat adalah seramai 1,500 orang. Oleh demikian setiap penugasan pasukan pengaman, negara Malaysia akan dapat membawa masuk wang negara asing ke dalam negara hasil dari pembayaran elaun kepada anggota terlibat sebanyak RM 450 juta. Sepanjang penglibatan pasukan pengaman Malaysia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pertubuhan tersebut telah memberi pulangan dan hasil pendapatan negara dalam pembayaran elaun dan kelengkapan peralatan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak RM 392,789,862.29. Ini merupakan satu pelaburan yang amat menguntungkan oleh Kerajaan Malaysia. Sepanjang penugasan pasukan pengaman Malaysia, terdapat sejumlah 1,041 orang¹⁶⁸ pasukan pemerhati ATM telah dihantar ke misi PBB dan seramai 381 Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang juga telah turut terlibat dengan pasukan pemerhati/pengaman di bawah PBB di antara tahun 1991-1995.¹⁶⁹ Disamping itu, berikut adalah jumlah anggota yang terlibat mengikut pecahan misi-misi pengaman ATM di bawah PBB dan NATO.¹⁷⁰

¹⁶⁸ . Penyata pasukan pemerhati ATM di bawah PBB yang dikemaskinikan bertarikh 12 Mei 2004 yang diperolehi dari Bahagian Operasi ATM, KEMENTAH, Kuala Lumpur.

¹⁶⁹ . *op.cit*, 34. Leow Foo Chang, hlm.58.

¹⁷⁰ . *op. cit*, 27. Penyata bilangan anggota ATM yang terlibat dalam penugasan Pasukan Pengaman PBB yang telah di perolehi dari bahagian Operasi Markas ATM Pada 20 Oktober 2003 Jam 0230 Petang. Hasil temubual dengan Mejar (Udara) Hayazi bin Ghazali, Pegawai Staf II Bahagian Operasi Markas ATM, KEMENTAH.

CARTA 4.

JUMLAH PENGLIBATAN PASUKAN PENGAMAN ATM

BIL	MISI	JUMLAH ANGGOTA
1.	CONGO	3,734
2.	NAMIBIA	866
3.	KAMPUCHEA	1,841
4.	SOMALIA	2,868
5.	BOSNIA-HERZEGOVINA	10,514
6.	TIMUR-LESTE	30
	JUMLAH	19,853

Sumber: Kementerian Pertahanan Malaysia Oktober 2003.

Selain kemasukan wang asing ke negara ini, rakyat Malaysia yang lain juga turut menjana ekonomi dalam negeri dari penglibatan kontinjen negara dalam tugas pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu. Contohnya kontraktor dan pembekal-pembekal dari segi peralatan/kelengkapan/makan juga memperolehi laba mereka disamping membuka ruang perkerjaan yang lebih besar kepada rakyat Malaysia dalam memenuhi permintaan tersebut. Kebanyakan pembelian peralatan dan kelengkapan ketenteraan oleh kerajaan Malaysia dilaksanakan dengan cara 'tukaran barang'. Contohnya Kerajaan Russia membekalkan senjata dan kelengkapan, Negara Korea membekalkan MIFV dan Kerajaan Malaysia pula membelinya dengan menggunakan hasil pengeluaran minyak sawit dan

Malaysia pula membelinya dengan menggunakan hasil pengeluaran minyak sawit dan getah. Ini tidak secara langsung telah dapat memasarkan hasil pengeluaran tempatan serta dapat menstabilkan harga barangan tersebut di pasaran luar negara.

Penglibatan Malaysia telah juga merangsang ekonomi serta melebarkan pasaran-pasaran barangannya ke negara-negara baru. Berikut adalah jumlah dagangan yang dicatatkan oleh Malaysia dengan negara-negara yang pernah pasukan Pengaman Malaysia ditugaskan. Prestasi peningkatan pada setiap tahun dapat ditunjukkan dalam carta di bawah ini yang mana setiap tahun memberi keuntungan kepada Malaysia.¹⁷¹

CARTA 5.
JUMLAH IMPOT MALAYSIA PADA TAHUN 1999-2003 (RM)

NEGARA	1999	2000	2001	2002	2003
ZAIRE/CONGO	2,009,384	3,845,127	7,602,283	2,703,064	3,839,687
NAMIBIA	1,172,133	932,343	2,598,101	1,661,394	8,388,727
KAMPUCHEA	40,547,262	64,007,521	68,252,900	73,577,468	31,065,357
NAMIBIA	1,172,133	932,343	2,598,101	1,661,394	8,388,727
BOSNIA-HERZEGOVINA	1,636	593,384	23,620	6,843,987	2,855,999

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara Cawangan Pulau Pinang April 2004.

¹⁷¹. Laporan kajian yang dibuat hasil dari temubual dengan Encik Foo Suan Tow di Jabatan Perangkaan Negara Malaysia, Cawangan Pulau Pinang, pada 27 April 2004.

CARTA 6.

JUMLAH EKSPOT MALAYSIA PADA TAHUN 1999-2003 (RM)

NEGARA	1999	2000	2001	2002	2003
ZAIRE/CONGO	3,289,150	6,367,175	4,686,939	10,615,222	10,899,638
NAMIBIA	11,103,954	572,373	52,840,995	47,082,051	55,126,772
KAMPUCHEA	144,319,291	271,064,731	228,900,670	209,062,510	246,123,048
NAMIBIA	11,103,954	572,373	52,840,995	47,082,051	55,126,772
BOSNIA- HERZEGOVINA	527,857	418,401	791,889	3,219,431	2,500,716

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara Cawangan Pulau Pinang, April 2004.

Pasukan pengaman Malaysia dalam tugas pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, juga merupakan duta kecil dalam mempromosikan negara dalam sektor pelancungan bukan sahaja kepada negara-negara yang dilanda konflik, malah kepada semua kontinjen pasukan pengaman dari seluruh dunia yang terlibat di kawasan misi. Hubungan yang dijalin oleh mereka dengan rakyat yang dilanda konflik dan kontinjen luar negara yang terlibat, sedikit sebanyak telah memperkenalkan Malaysia. Pada kebiasaanya, setiap kontinjen yang terlibat dengan tugas pengaman, mereka telah menyiapkan diri dengan persembahan kebudayaan Rakyat Malaysia untuk ditonton oleh bangsa-bangsa asing di kawasan misi jika terdapat ruang kelapangan. Terutamanya semasa menyambut hari-hari perayaan dan lawatan pembesar-pembesar asing di Markas Kontinjen MALBAT. Selain dari perkembangan ekonomi yang memberangsangkan,

Malaysia juga telah dapat melebarkan pengaruhnya di serata dunia ketiga. Malah Malaysia kini di pandang tinggi dengan idea-idea yang bernas dari pemimpin-pemimpinnya yang sentiasa di perbahaskan di arena antarabangsa.

Kesan Kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Walaupun sistem persenjataan yang dibenarkan dibawa masuk ke kawasan konflik hanyalah sistem senjata berkeupayaan rendah dan sederhana, iaini sekadar untuk mempertahankan diri dan bukan untuk tujuan bertempur, namun telah tiba masanya ATM dibekalkan dengan peralatan senjata yang lebih canggih sesuai mengikut keadaan suasana operasi pengaman atau di kawasan peperangan yang akan mereka tempuhi nanti. Contoh peralatan asas semasa yang perlu dibekalkan kepada semua pasukan infantri untuk operasi pengaman atau untuk peperangan adalah seperti *night vision goggle*, *laser range finder*, *global positioning system (GPS)*, *flak jacket*, *mines detectors*, sistem radar dan sebagainya. Jika Angkatan Tentera Malaysia, tidak mengendahkan keperluan ini, kemungkinan besar kontinjen Malaysia tidak layak untuk dibawa ke kawasan konflik. Ini bukan bermakna anggota Angkatan Tentera Malaysia tidak boleh melakukan tugas tanpa bantuan peralatan tersebut, tetapi akan menjejaskan pelaksanaan tugas misi dan juga akan membahayakan nyawa anggota-anggota kontinjen pasukan pengaman di medan yang berkonflik. Dalam masa kerajaan memperuntukkan peralatan moden yang canggih ini kepada anggota pasukan pengaman, ia bukan sahaja memudah dan melancarkan pelaksanaan tugas, malah ia juga akan menjamin keselamatan anggota pasukan pengaman serta mendedahkan mereka kepada pengetahuan perkembangan teknologi

terkini, setaraf dengan tentera-tentera dari negara maju. Disamping melaksanakan misi pengaman, mereka juga akan terlatih di kawasan medan dengan peralatan dan kelengkapan tersebut. Dalam hal ini bolehlah dianggarkan lebih 75 % Tentera Darat Malaysia ketika ini telah didedahkan dengan pengetahuan dalam pengendalian peralatan teknologi tinggi dewasa ini.

Penempatan pasukan pengaman di kawasan misi merupakan percaturan dan agenda politik pegawai-pegawai yang memegang tampuk pemerintahan di kawasan misi. Pada kebiasaannya tampuk pemerintahan di kuasai oleh bangsa Eropah. Contohnya di Bosnia-Herzegovina, pasukan pengaman dari negara-negara Islam tidak akan di tempatkan di kawasan bertelagah yang melibatkan Puak Serbs dan Croats, kecuali kontinjen Malaysia dan Kontinjen dari Turki.¹⁷² Kebanyakan pasukan-pasukan pengaman dari negara Islam akan dipecahkan dan ditugaskan sebagai pengawal, pemandu dan tugas-tugas pengiring. Pada awalnya MALBAT I Bosnia-Herzegovina, telah dirancang untuk di tempatkan di Vladika Kladusa, Bihac (di Utara Bosnia-Herzegovina) yang melibatkan pertelagahan puak Islam sesama sendiri. Namun disebabkan salah seorang pegawai operasi yang berada di Markas PBB iaitu Leftenan Kolonel Abd. Manaf bin Kasmuri dari Malaysia, atas gesaannya kontinjen tersebut telah berpindah ke kawasan pertelagahan yang melibatkan puak Serbs, Bosnian-Islam dan Croats yang pada asalnya dikuasai oleh kontinjen Sepanyol iaitu di Barat Daya Bosnia-Herzegovina.

¹⁷² . Kontinjen Turki hanya dibenarkan beroperasi di Zenica iaitu kawasan penempatan puak Islam Bosnia. Kawasan tersebut paling aman dan tiada pertelagahan dengan puak Serbs atau Croats. Malah kawasan tersebut dijadikan oleh puak Islam Bosnia tempat latihan pasukan tenteranya dan pusat latihan bagi puak Mujahideen.

Puak-puak yang bertelagah akan sentiasa mencari kesilapan dan kesalahan pasukan pengaman. Jika mereka dapati bahawa pasukan pengaman tersebut berat sebelah, maka mereka akan menjadi sasaran penembak curi, tawanan dan ancaman puak bertelagah. Ini sering terjadi kepada pasukan-pasukan dari negara-negara Eropah seperti insiden *Black Hawk Down* di Somalia dan beberapa siri tembakan meriam dan penembak curi serta penculikan pasukan pengaman dari Canada di Bosnia-Herzegovina oleh puak Serbs. Walaupun kontinjen pasukan pengaman telah diterima untuk menjadi orang ketiga dalam penyelesaian pertelagahan puak yang bertelagah, namun di peringkat bawahan dari puak yang bertelagah enggan menerima kenyataan untuk berdamai. Sering sahaja pasukan pengaman, termasuk pasukan pengaman dari Malaysia menghadapi suasana yang sedemikian rupa. Apabila ini berlaku, ia akan menyulitkan lagi proses perbincangan dan tukaran tawanan perang/mangsa perang. Tambahan pula ada juga terdapat dolak-dalik mereka, sama ada untuk melambatkan proses perdamaian atau mengintai peluang yang lebih baik bagi sesuatu pihak. Kerenah dan keadaan ini sering sahaja membuatkan pasukan pengaman pening kepala untuk mengembalikan keamanan di kawasan yang bertelagah.

Penggunaan bahasa merupakan satu cara yang penting untuk berkomunikasi bagi membawa puak yang bertelagah ke meja rundingan dan berhubung rapat dengan kontinjen-kontinjen lain di kawasan misi. Namun bagi kontinjen Malaysia, ia tidak menjadi masalah yang besar kerana bahasa komunikasi yang sering digunakan semasa penugasan tersebut sama ada bahasa Inggeris, Sepanyol atau Perancis. Bahasa Inggeris menjadi bahasa komunikasi utama dalam penugasan. Tetapi bagi kontinjen dari

dan Peranchis, mereka tidak gemar untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Jika kontinjen Malaysia ditugaskan di bawah kontinjen-kontinjen tersebut, maka masalah perhubungan akan berlaku. Begitu juga bahasa perhubungan dengan puak-puak bertelagah. Tidak semua puak-puak yang bertelagah pandai berbahasa Inggeris. Penggunaan jurubahasa yang benar-benar berkeupayaan dalam menterjemahkan bahasa yang betul, akan dapat membantu bagi mengatasi masalah ini. Jika silap diterjemahkan maka akan menyulitkan proses perbincangan dan tawar menawar dalam mencari kedamaian.¹⁷³

Setiap anggota pasukan pengaman mestilah mengetahui dan menghormati adat resam dan pantang larang bagi puak-puak yang bertelagah. Jika mereka cetek pengetahuan dalam hal ini atau tidak didedahkan dengan adat resam dan pantang larang puak-puak yang bertelagah, ia akan mengundang kemarahan dan kebencian kepada pasukan pengaman yang ditugaskan. Terdapat di antara puak-puak yang bertelagah di barisan hadapan sengaja mencari helah untuk menyusahkan pasukan pengaman. Dalam hal ini, pasukan pengaman terpaksa bertindak dengan begitu teliti dalam meredakan keadaan. Oleh itu sebagai pasukan pengaman, setiap anggota dikehendaki menyiapkan diri dari segi fizikal, mental dan pengetahuan bagi menentukan kejayaan dalam misi-misi tugas pengaman.

Di samping pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh setiap individu yang terlibat dalam tugas pengaman, anggota ATM yang terlibat dalam operasi pengaman juga berupaya menambahkan pendapatan dan sumber ekonominya untuk

¹⁷³ . op.cit, 151. Pengalaman sendiri.

bekalan semasa mereka bersara nanti. Elaun yang diterima oleh mereka cukup lumayan bagi keperluan mereka dan keluarga masing-masing. Keberuntungan yang mereka perolehi ini sedikit sebanyak telah membantu organisasi ketenteraan untuk mendapat rekrut-rekrut baru dalam menceburi bidang ketenteraan. Selain dari faktor-faktor sampingan yang lain, berikut dinyatakan peningkatan sambutan anggota rekrut tentera darat semasa sesi pemilihan dilakukan:¹⁷⁴

CARTA 7.

STATISTIK PERMOHONAN MENJADI CALON REKUT BAGI TENTERA DARAT MALAYSIA

Perkara	Tahun					
	1998	1999	2000	2001	2002	2003
Jumlah Memohon	3501	4223	5026	5772	6028	8081
Jumlah Diambil	2000	2600	3000	3500	4000	4600

Sumber: Markas Tentera Darat KEMENTAH Tahun 2003.

Selain dapat membantu Organisasi Angkatan Tentera Malaysia dalam mempromosi bidang ketenteraan kepada anak-anak muda di negara ini, Angkatan Tentera Malaysia juga telah dapat kebaikkan kerana telah diberi peruntukkan yang lebih oleh kerajaan dalam memodenkan serta melengkap organisasi ini dengan peralatan-peralatan canggih yang berada di pasaran dewasa ini. Dalam menentukan pelaksanaan tugas ini lebih efisien dan membentuk satu pasukan tentera yang global, Tentera Darat Malaysia telah menubuh Sekolah Pasukan Pengaman di Port Dickson yang menjadi tumpuan

¹⁷⁴ Temubual dengan Mejar Jasman bin Wagiman, Pegawai Pengambilan Rekrut Tentera Darat pada 4 November 2003, di Cawangan Sumber Manusia, Markas Tentera Darat, KEMENTAH

penuntut dalam negeri mahupun dari luar negara. Sekolah ini dikhaskan kepada pegawai-pegawai dan anggota yang akan ditugaskan di kawasan misi. Selain dari melatih dan membentuk individu tersebut benar-benar layak untuk ditugaskan di kawasan misi. Angkatan Tentera Malaysia juga telah dapat mengubah doktrin, taktik dan teknik beroperasi di kawasan beriklim sejuk, panas dan sederhana. Pengalaman dan keupayaan ini membolehkan Angkatan Tentera Malaysia bersedia untuk digerakkan dimana sahaja pelusuk dunia dalam mengembalikan keamanan dunia sejangat.

Kesimpulan.

Dalam membuat kesimpulan terhadap implikasi penglibatan pasukan Pengaman Malaysia dalam tugas pengaman ini, ia dapat ditafsirkan kepada dua bahagian implikasi iaitu kepada Kerajaan Malaysia dan kepada ATM. Sesungguhnya Kerajaan Malaysia telah memperolehi dua impak yang nyata iaitu dalam hubungan antarabangsa dan kepentingan nasional. Sebagai sebuah negara sedang membangun dan di kategorikan dalam gulungan Negara Dunia Ketiga, Malaysia terpaksa untuk menonjolkan dirinya dari negara-negara Dunia Ketiga yang lain atau setidaknya tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam isu-isu antarabangsa. Jika langkah ini tidak diambil mungkin masyarakat antarabangsa akan meminggirkannya sebagaimana terjadi di beberapa Negara Dunia Ketiga di dunia ini. Apabila keadaan ini berlaku, tidak secara langsung ianya akan mengugat kepentingan nasional.

Sebagaimana yang diterangkan pada awal, bahawa penglibatan pasukan pengaman ini, dengan tidak secara langsung telah menjana ekonomi negara dengan begitu pesat. Sebagai sebuah negara yang berasaskan pertanian, sumber galian dan perindustrian, ia memerlukan rakan dan tempat untuk barangan tersebut dipasarkan. Tanpa rakan dan tempat untuk dipasarkan, maka ia akan mengakibatkan lambakan hasil-hasil tersebut. Jika keadaan ini berlaku, maka negara akan mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi serta jumlah pengangguran yang begitu banyak. Akibatnya nanti, sebuah kerajaan pemerintah itu tidak akan kekal lama apabila berlakunya rusuhan dan bangkangan dari rakyat tempatan seperti mana yang berlaku kepada Indonesia semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1998-2000 yang lalu.

Penglibatan pasukan pengaman juga, pada dasarnya tidak mengeluarkan perbelanjaan dan membebankan negara. Ini kerana semua kos perbelanjaan pasukan pengaman ditanggung oleh PBB itu sendiri. Kerajaan hanya mengeluarkan kos perbelanjaan pendahuluan dan tuntutan kembali kepada PBB akan dilakukan. Hingga setakat ini, sejumlah lebih RM 798 juta telah dikutip semula yang melibatkan kos di semua penugasan pasukan pengaman Malaysia di bawah PBB, bermula dari Congo hingga ke Bosnia-Herzegovina. Kerajaan Malaysia hanya bermodalkan titik peluh anggota tentera sahaja, dalam membantu kemasukan wang asing ke negara ini. Ini tidak termasuk dengan peningkatan jumlah eksport negara ke negara-negara yang pasukan pengaman pernah berkhidmat. Petunjuk yang dinyatakan di atas, membuktikan bahawa Malaysia telah dapat meluaskan dan meningkatkan lagi pasarannya ke negara-negara tersebut dari tahun ke setahun.

Implikasi terhadap ATM pula dapat dilihat dengan pembangunan struktur organisasi dan permodenan ATM. Peningkatan taraf peralatan ATM, tidak memerlukan pengaliran wang negara yang keluar begitu banyak. Ini kerana kos pembelian peralatan pasukan pengaman di medan ditanggung oleh PBB. Penglibatan tersebut juga telah membabitkan penstrukturan semula organisasi Tentera Darat Malaysia, dimana sebanyak empat pasukan makenise telah ditubuhkan dalam memenuhi keperluan penugasan pasukan pengaman di medan dan keperluan pertahanan negara di jangkamasa panjang. Ini tidak termasuk dengan kelengkapan-kelengkapan asas yang lebih moden dan canggih telah diperuntukkan kepada Tentera Darat Malaysia bagi memenuhi keperluan penugasan di medan krisis dan membawa pasukan tersebut ke arah yang lebih global dan setanding dengan angkatan tentera dari benua Eropah. Maka di sini sudah nyata bahawa implikasi di atas penglibatan pasukan Pengaman Malaysia, telah memberi impak yang positif kepada negara Malaysia dan ATM khususnya.

KESIMPULAN

"...For five decades, the UN has sought to provide security in the broadest sense of the world... We may not always recognize its efforts, and we may sometimes even resent them. But we cannot do without it..."

Ucapan Martti Ahtisaari Presiden
Finland di PBB 1995 ¹⁷⁵

Keberkesanan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu.

Penubuhan PBB merupakan satu rahmat kepada manusia sejagat kerana ia merupakan sebuah organisasi yang amat penting selain dari OIC, EU, OAS dan beberapa organisasi lain di dunia ini. Walaupun sejak akhir-akhir ini semakin banyak rungutan lahir dari negara-negara di dunia ini terutama dari ahli-ahli dari dunia ketiga mengenai PBB tentang ketidakadilan, sikap berat sebelah serta campur tangan kuasa-kuasa besar, namun mereka tiada pilihan melainkan bergantung harap dan menyuarakan keluhan mereka di badan tersebut. Sebagaimana yang dijelaskan oleh William H. Luers:¹⁷⁶

...The United Nations, meanwhile, has become an institution that is far more complex yet more open than when it was founded. Today, the secretary-general envisages a world of partnerships in which the United Nations is the umbrella for a wide variety of groups from the private sector, civil society, and government...

¹⁷⁵ . M.Ahtisaari, Ucapan di PBB, "Image & Reality", UN Department of Publication, New York, 1997, hlm.6.

¹⁷⁶ . op.cit, 21. W. H. Luers.

Walaupun kadangkala keluhan mereka itu tidak diendahkan oleh pertubuhan tersebut akibat tekanan politik dan pengaruh kuasa-kuasa besar, terdapat resolusi yang telah di buat oleh pertubuhan ini yang dipatuhi oleh kuasa-kuasa besar, contohnya sehubungan Perang Korea dan serangan ke Afghanistan dan Perang Teluk. Walaupun ia kadangkala terumbang ambing di atas gelagat dua kuasa besar iaitu Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat yang cuba melebarkan pengaruhnya pada tahun 1960-1970. Pada masa tersebut kuasa veto sering digunakan oleh kuasa-kuasa besar demi mencapai yang menjurus kepentingan nasional masing-masing.¹⁷⁷ Namun begitu pertubuhan ini tetap dapat bertahan dan menjadi harapan kepada semua ahlinya dalam menyelesaikan masalah yang melanda negara masing-masing.

Kunci utama ia menjadi begitu penting kepada ahli-ahlinya terutamanya kepada ahli-ahli dari negara Dunia Ketiga adalah bantuan dari segi kewangan, teknikal dan pasukan pengamannya. Dianggarkan 80% belanjawan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disalurkan dalam membantu negara-negara miskin, terutamanya negara-negara dari dunia ketiga, bagi maksud pembasmian buta huruf, bencana alam, pembasmian kemiskinan dan lain-lain lagi.¹⁷⁸ Di samping itu, bank dunia di bawah *United Nations Development Program* (UNDP) telah membantu sebanyak 174 buah negara, dan hampir ¾ ahli-ahli Bangsa-Bangsa Bersatu yang menerima faedah ini setiap tahun.¹⁷⁹

¹⁷⁷ . *op.cit*, 99. Cambodia Peacekeeping.

¹⁷⁸ . G.Evans, A Struggling UN Most New Appreciate the Art of the Possible, *International Herald Times*, Australia, Oktober 7/8, 1995, hlm.8.

¹⁷⁹ . UN in Brief, Internet, <http://www.un.org/Overview/brief.html>, Dikemaskinikan pada 19 Dis 2003.

Situasi di PBB telah menjadi gawat selepas perang dingin tamat, dimana krisis/konflik dan peperangan terus merebak di merata dunia, sesetengah negara telah menjadi medan lapangasar bagi negara-negara yang mengeluarkan senjata/peralatan tempur. Sebagaimana di Perang Teluk, Amerika Syarikat telah memperagakan misil *Patriot* dan *Stealth*, Britain memperaga Kapal terbang *Tornado* dan kereta kebal *Challenger* begitu juga Russia dan Perancis tidak ketinggalan dari menjual barangan keluaran mereka di pasar terbuka medan peperangan di negara Iraq. Negara-negara kuasa besar terus meningkatkan perbelanjaan ketenteraan mereka bertujuan untuk menjadikannya salah satu sumber ekonomi negaranya, walaupun perjanjian penghadatan pengeluaran senjata, penggunaan misil dan senjata nuklear/biologi/kimia telah ditandatangani oleh negara-negara ahli. Namun kemelut ini terus melanda dunia dan mengugat kewibawaan pertubuhan tersebut.

Krisis/peperangan tidak henti-henti ini membuatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sering menjadi sasaran teguran dan sindiran tentang kewibawaannya dalam mencapai matlamat utama penubuhan pertubuhan ini, iaitu untuk menentukan dan mengekalkan keamanan serta mengembalikan keamanan di negara yang dilanda masalah. Malah bukan itu sahaja, Pertubuhan itu juga terpaksa berhutang dengan bank dunia untuk membiayai kos penyelenggaraan dan pengurusan pasukan-pasukan pengaman yang ditugaskan. Walaupun telah termaktub dalam Carta Pertubuhan ini, iaitu mana-mana negara yang tidak menjelaskan yurannya akan kehilangan suara di Pertubuhan ini, namun

ketetapan ini tidak dikuatkuasakan oleh badan dunia ini. Ini menyebabkan badan dunia ini menanggung hutang yang banyak. Kini PBB hampir tidak berkeupayaan membiayai perbelanjaan operasi pasukan pengaman akibat dari hutang negara-negara ahli yang tertunggak. Pada masa kini lebih 53,000 orang tentera dan pasukan pemerhati PBB yang sedang berkhidmat dalam 15 buah misi pengaman di seluruh dunia. Menurut Kofi Annan, kos menanggung misi pengaman akan meningkat dari USD satu bilion kepada USD empat bilion dengan operasi terbesar dilaksanakan di Liberia.¹⁸⁰ Ini merupakan masalah pokok yang sentiasa dihadapi oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila baru mengambil alih tugas.

Keberkesanan Tugas-Tugas Pengaman PBB.

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan kejayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sejak penubuhannya, badan dunia ini telah berjaya mengelakkan Peperangan Dunia Ketiga dari berlaku, terutamanya dengan penglibatan pasukan pengamannya. Ini merupakan kejayaan dan sumbangan yang terbesar pertubuhan ini berbandingkan dengan pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa yang ditubuhkan dahulu. Sehingga Jun 1996, pertubuhan ini telah melaksanakan 41 tugas-tugas pengaman dan 15 daripadanya masih dilaksanakan. Kos penyelenggarannya yang kian meningkat telah membebankan pertubuhan ini, misalnya pada Januari 1988, seramai 11,121 pihak tentera dan polis serta pihak awam telah ditugaskan dalam pasukan pengaman di kawasan konflik yang telah

¹⁸⁰ "PBB Kurang Wang Untuk Misi Pengaman", *Utusan Malaysia*: Rabu, 19 Mei 2004, Kuala Lumpur, hlm.18.

menelan belanja sebanyak USD 230.4 juta. Pada Disember 1994 pula, seramai 77.783 anggota pasukan pengaman telah ditugaskan di kawasan misi yang menelan belanja memcecah USD 3.6 bilion.¹⁸¹ Dalam melaksanakan tugas pengaman tersebut, PBB tidak lepas dari pencapaian kejayaan dan kegagalan yang diciptanya.

1. Kegagalan Tugas Pengaman. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pertama kali terlibat pada 11 Jun 1948, iaitu apabila *United Nations Truce Supervision Organization* (UNTSO) ditugaskan mengawasi konflik Arab/Israel. Ia masih beroperasi setelah 55 tahun berlalu. Konflik tersebut terus bergolak sehingga ke hari ini. Kerumitan yang dialami oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyelesaikan masalah ini kerana ia melibatkan banyak sempadan seperti sempadan Israel dengan Mesir, Syria, Jordan dan Palestin. Disamping itu terdapat proksi-proksi dari negara kuasa-kuasa besar yang menjadi *god-father* kepada negara-negara terlibat yang mengakibatkan krisis tersebut berpanjangan sehingga ke saat ini.

Misi pengaman *United Nations Military Observer Group* (UNMOGIP) di India dan Pakistan serta *United Nations India-Pakistan Observation Mission* (UNIPOM) juga mengalami kegagalan. Misi UNMOGIP telah ditubuhkan pada 24 Januari 1949 dan masih beroperasi sehingga ke hari ini. Ia melibatkan pengurusan gencatan senjata di antara India dan Pakistan berhubung kawasan yang menjadi pertelagahan di Jammu dan Kashmir.

¹⁸¹ . op.cit. 37. "The Blue Helmets", hlm 4.

Terdapat misi yang boleh ditafsirkan berjaya pada pelaksanaannya, walaupun ia turut mengakibatkan korban nyawa dan harta benda. *United Nations Transitional Authority in Kampuchea* (UNTAC) yang ditubuhkan pada 28 Februari 1992 dan misi *United Nations Protection Force* (UNPROFOR) yang ditubuhkan pada 21 Februari 1992 tidak dapat menghalang kekacauan. Konflik yang berlaku di Kampuchea telah meragut nyawa berjuta-juta rakyatnya disamping beratus-ratus ribu yang cedera dan cacat akibat periukapi dan jerangkapsamar. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lambat bertindak untuk menghantarkan pasukan pengaman di kawasan sehingga mengakibatkan pembunuhan hampir sejuta orang. Kejadian rogol, rompak serta keganasan berleluasan berlaku.

2. **Kejayaan Tugas Pengaman.** Apa pun tugas misi pengaman ini merupakan satu-satunya harapan terakhir yang berbentuk diplomasi dalam menyelamatkan sesebuah negara yang dilanda konflik. Keperluan pasukan pengaman di medan konflik sememangnya amat ketara sekali, ini kerana tiada manusia di dunia ini berani berada di tengah-tengah kancan peperangan yang mana peluru bersimpang siur tidak mengenal dan memilih sasaran. Penubuhan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan langkah yang paling positif dalam mengembalikan segera keamanan di sekitar kawasan konflik. Ini kerana sesebuah negara yang telah dilanda konflik atau kancan peperangan, ia tiada lagi agensi penguatkuasa atau pentadbir tempatan untuk mengawal dan menguruskan keperluan penduduk tempatan yang inginkan keamanan. Suasana

negara yang dilanda konflik/peperangan amat mengerikan; keganasan, kekejaman dan kezalim dilakukan oleh manusia-manusia.

Pada kebiasaannya, sebelum dapat distabilkan semula sesebuah negara yang dilanda konflik atau peperangan, ia memerlukan jentera kerajaan atau pentadbir sementara sebelum kerajaan yang sah di tubuhkan. Oleh itu pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bukan sahaja dapat bertindak sebagai seorang tentera, ia juga berkebolehan bertindak sebagai pengurus/pentadbir atau pun hakim. Masa peralihan kuasa inilah merupakan masa yang amat genting yang memerlukan kesabaran, kebijaksanaan dan kecekapan tentera yang ditugaskan dalam misi pengaman. Setelah melaksanakan tugas pengaman sebanyak 33 misi, pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah berjaya mendirikan kembali lima kerajaan yang berdaulat dan mengembalikan keamanan di tempat tersebut seperti di Congo, Namibia, Kampuchea, Bosnia-Herzegovina dan Timur Leste.¹⁸² Konflik-konflik yang berlaku telah berjaya dibendung dari merebak ke negara-negara lain.

Pada hakikatnya, penugasan pasukan Pengaman PBB membuatkan keganasan dan kerakusan manusia telah dapat dikawal. Dalam hal ini, mahu tidak mahu, PBB terpaksa bergantung kepada negara ahli untuk mendapatkan pasukan pengamannya *Standby Force* yang diwawarkan oleh Butrous-Butrous Ghali sebelum beliau meninggalkan

¹⁸² . op.cit, 82. C.Thornberry.

jawatan sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, namun ia akan terus kekal sebagai pernyataan tanpa tindakan. Semasa Kofi Annan mengambil alih jawatannya, perkara ini telah tidak timbul kembali. Ini kerana masalah dalam pentadbiran dan pengurusan pasukan tersebut jika ia ditubuhkan. PBB akan berterusan dilanda masalah, kerana masa untuk mengumpulkan pasukan pengaman di kawasan misi akan mengambil masa yang agak lama. Akibatnya negara-negara yang dilanda konflik dan peperangan itu akan mengalami kemusnahan yang lebih banyak lagi sementara menunggu kedatangan pasukan pengaman.

Setelah dunia menjadi unipolar, badan dunia ini seolah-olah di monopoli dan diuruskan oleh Amerika Syarikat yang bertindak sebagai polis dunia bagi mengutamakan kepentingan sendiri dan kelompok kecil, status sebagai kuasa tunggal dan mutlak (unipolar) dan tidak menghiraukan langsung pandangan dan harapan orang lain. Amerika Syarikat pula akan terus mengetuai pasukan-pasukan pengaman di kawasan misi dimana konflik yang mempunyai kepentingan nasionalnya muncul. Jika pasukan pengaman ini berterusan dikuasai oleh Amerika Syarikat, maka ia bukan lagi pasukan pengaman pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi ia adalah pasukan pengaman Amerika Syarikat yang memegang lesen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Oleh itu, PBB seharusnya bertindak dengan lebih efisien lagi dalam menangani punca-punca masalah yang timbul di negara yang dilanda konflik/peperangan dan menentukan organ-organ yang terdapat dalam pertubuhan ini melaksanakan tugasnya dengan sebaik yang mungkin. Carta/peraturan dan mandat tugas pengaman seharusnya

dimaktubkan ke dalam piagam PBB. Ini mengelakkan ia disalah gunakan atau dimanipulsikan oleh negara-negara ahli terutamanya dari negara-negara kuasa besar. Badan dunia ini seharusnya dipisahkan dari bayangan kuasa-kuasa besar. Begitu juga kuasa veto sepatutnya tidak sesuai di gunakan pada masa ini, memadai dengan mematuhi pencapaian keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan. Keanggotaan Majlis Keselamatan pula, seharusnya diperbesarkan dan di anggotai lebih dari negara-negara Dunia Ketiga. Ini kerana negara-negara Dunia Ketiga yang sering dilanda masalah dan merekalah orang yang lebih tahu masalah dan punca ke arah konflik yang berlaku bagi memudahkan penyelesaian masalah konflik/peperangan yang melanda negara-negara terlibat. Di samping itu juga, pemilihan bagi jawatan Setiausaha Agung PBB perlulah diamati dan diteliti dengan mendalam. Ia bukan sahaja untuk memenuhi kouta, mengikut giliran atau pun dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar. Kriteria bagi jawatan ini seharusnya diberi kepada individu-individu yang sering memperjuangkan hak asasi manusia dan mereka yang benar-benar perhatin kearah keamanan dan keselamatan masyarakat dunia. Contohnya seperti Dag Hammarskjold, Javier Perez de Ceullar dan U Thant, sebagaimana yang ditulis oleh Javier Perez de Ceullar dalam bukunya *The Role of UN Secretary General* yang berkata:¹⁸³

...The Secretary General is constantly subjected to many and verse pressure, but the last analysis, his office is a lonely one. He cannot stand idle, yet helplessness is often his lot...The other essential quality is to feel that he is a citizen of the world...and also he is a world citizen, because all world problems are his problem: the Charter is his home and his ideology, and its principles are his moral creed...

¹⁸³ . J.P. Cuellar, The Role of UN Secretary General, Claredon Press Oxford, London, 1993, hlm. 142.

Keberkesanan Pasukan Pengaman Malaysia.

Di sepanjang lima penugasan pasukan Pengaman Malaysia di negara-negara yang dilanda konflik, mereka telah mengharungi pelbagai rintangan, masalah dan pengalaman yang diperolehi. Sumbangan besar Malaysia, kearah pencapaian dan mengembalikan keamanan dunia tidak boleh dinafikan oleh rakyat tempatan yang dilanda konflik dan masyarakat dunia. Hingga ke saat ini, tiada sebuah pun kontinjen pasukan Pengaman Malaysia yang dihantar pulang diatas ketidak cekapan mereka melaksanakan tugas.

Malah dimana sahaja mereka ditugaskan, mereka telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sehingga tamat penugasan tugas-tugas pengaman di kawasan medan. Jika dibandingkan dengan pasukan-pasukan pengaman yang lain, pasukan Pengaman Malaysia berada ditahap yang di atas sekali tentang kecekapan mengendalikan krisis, pengurusan logistik dan pentadbiran di medan dan melaksanakan mandat tugas pengaman. Ini menyebabkan mereka senang diterima oleh masyarakat tempatan yang dilanda konflik dan kenyataannya mereka tidak sering diancam oleh puak-puak yang bertelagah di kawasan konflik. Ini dapat buktikan dengan statistik kadar kematian dan kecederaan yang rendah oleh Kontinjen Malaysia berbanding dengan pasukan-pasukan pengaman dari negara lain yang mengalami kadar statistik kematian dan kecederaan yang tinggi:¹⁸⁴

¹⁸⁴ . op.cit, 27. Temubual Mejar (Udara) Hayazi bin Ghazali.

CARTA 8.

STATISTIK BENCANA/KEMALANGAN PASUKAN
PENGAMAN MALAYSIA

Bil	Misi	Punca Kemalangan			Jum
		Kemalangan Jalanraya	Penyakit	Ditembak/ bertempur	
1.	Congo	2	-	3	5
2.	Namibia	2	-	-	2
3.	Kampuchea	-	1	-	1
4.	Somalia	1	-	10	11
5.	Bosnia-Herzegovina	2	-	2	4
6.	Timur-Leste	-	2	-	2
Jumlah		7	3	15	25

Sumber: Kementerian Pertahanan Dikemas Kini Pada Tahun 2003 .

Negara Malaysia boleh menabik dadanya di atas prestasi yang ditunjukkan oleh kontinjen pasukan pengamannya kepada PBB dan masyarakat dunia. Ini kerana negara-negara yang pernah dilibatkan penugasan pasukan pengaman Malaysia, negara tersebut telah dapat distabilkan dengan cepat dan aman sehingga ke saat ini. Tidak seperti penugasan pasukan pengaman PBB yang lain di beberapa negara yang masih mengalami konflik sehingga kesaat ini, walaupun PBB telah menugaskan pasukan pengamannya setelah sekian lama.